

HENTIKAN KE MAHKA- MAH

MM 22 JUL 1984
SUBANG JAYA 21 Julai - Datuk
Sri Dr. Mahathir Mohamad hari
ini menegaskan bahawa parti -- parti
komponen Barisan Nasional hendak-
lah menghentikan gejala merujuk per-
selisihan politik kepada pihak ketiga
seperti mahkamah.

Kata Perdana Menteri, perselisihan mereka janganlah terjadi sehingga tidak dapat diselesaikan sesama sendiri dan 'jalan politik' mestilah dicari untuk menyelesaikan masalah dalam parti.

"Segala perselisihan hendaklah berkisar di dalam parti sahaja dan tidak perlu kita mencedahkan segala masalah dan keburukan dalam parti kepada orang ramai," tegasnya di dalam ucapan perasmian di penghimpunan agung ke-32 MIC yang dihadiri kira-kira 1,000 orang perwakilan.

Serentak dengan itu, beliau juga mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional bahawa penyangkit mengutamakan diri sendiri lebih daripada parti dan negara boleh menamatkan riwayat Barisan Nasional sebagai pemerintah negara ini.

Percakaran

Kata Perdana Menteri, bercakara dengan parti-parti pembangkang sudah menjadi adat, tetapi percakara-

ran diantaraparti atau pentadbiran BN tidaklah sihat, sama ada ia berlaku secara sengaja atau tidak.

Beliau juga meminta parti-parti komponen BN supaya jangan menimbulkan sebarang sentimen atau perasaan perkauman yang keterlaluan dalam perjuangan kepentingan kaum masing-masing, kerana ia mungkin sensitif kepada parti-parti komponen yang lain atau agensi dan pentadbiran yang didokong oleh BN.

Beliau juga Pengerusi BN berkata, "kita harus sentiasa mengingatkan diri kita sekali sekala tentang tanggungjawab memelihara keharmonian dan perkongsian BN semoya tidak terdapat mana-mana parti komponen memutuskan hati parti komponen lain."

Tegas Perdana Menteri, sistem perkongsian kuasa seperti Barisan Nasional hendaklah dijaga dengan penuh perasaan cemburu dan janganlah terjadi perselisihan sehingga tidak dapat diselesaikan sesama sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, janganlah gejala merujuk perselisihan politik ke pihak ketiga seperti mahkamah dibiar berterusan kerana Barisan Nasional botch mencari 'jalan politik' untuk menyelesaikan masalah dalam parti.

Beliau menyatakan, apa juga keputusan yang dibuat oleh parti untuk menyelesaikan perselisihan hendaklah diterima dengan rela hati kerana jika keputusan tersebut dicabar, maka huru-hara akan terdapat dalam parti.

Menurut beliau, Barisan Nasional menghormati pandangan yang rasional kerana ini membuktikan kematangan politik rakyat di negara ini akan semakin meningkat dan membanggakan.

Tegas Perdana Menteri.

"kita tidak menghormati mereka yang tidak berhenti - henti mengkritik, tetapi kekeringan idea tentang bagaimana hendak menyelesaikan sesuatu masalah itu."

Beliau menasihatkan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya jangan mudah melatah, setiap kali parti pembangkang cuba menanggung di air yang keruh kerana mereka memang mengharapkan parti-parti komponen Barisan Nasional supaya menari mengikut rentak irama mereka.